

KONSEP *HIFZ AL-BI'AH* DALAM PENGURUSAN RISIKO BENCANA ALAM: SATU SOROTAN AWAL

Muhammad Hilmi Mat Johar

Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka

Khairul Azhar Meerangani

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

S Salahudin Suyurno

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Adam Badhrulhisham

Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: hilmi@kuim.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Fenomena bencana alam merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang melanda seluruh pelusuk bumi sama ada di kawasan yang mendatar, landai mahupun di cerun. Bencana alam yang berlaku boleh meragut ribuan nyawa manusia, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda dan kerosakan alam sekitar. Dalam hal ini, Islam telah menyediakan pelbagai panduan berhubung tatacara pengurusan alam sekitar yang komprehensif dan lestari. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau implementasi konsep *hifz al-bi'ah* dalam pengurusan risiko bencana alam. Kajian dilakukan secara kualitatif menerusi sorotan terhadap data kepustakaan klasik dan kontemporari serta laporan-laporan berkaitan bencana alam di Malaysia. Konsep *hifz al-bi'ah* merupakan antara matlamat penting bagi merealisasikan *al-daruriyyat al-khams* dalam pengurusan alam sekitar. Pengurusan risiko bencana alam berpandukan teori ini bersifat holistik dan komprehensif dengan penekanan bukan sahaja terhadap unsur fizikal dan material, bahkan turut memfokuskan aspek spiritual bagi memastikan kelestarian sumber alam selain meminimumkan risiko bencana alam terhadap manusia.

Kata Kunci: Pengurusan Risiko, Bencana Alam, *Hifz Al-Bi'ah*, Kelestarian

THE CONCEPT OF HIFZ AL-BI'AH IN NATURAL DISASTER RISK MANAGEMENT: AN INITIAL HIGHLIGHTS

ABSTRACT

The phenomenon of natural disaster is an event or occurrence that hits all corners of the earth whether in a horizontal area, slope or on a slope. Natural disasters can claim thousands of lives, destroy homes, lose property and damage the environment. In this regard, Islam has provided various guidelines on comprehensive and sustainable environmental management procedures. Thus, this study aims to review the implementation of the concept of hifz al-bi'ah in natural disaster risk management. The study was conducted qualitatively through the highlights of classical and contemporary library data as well as reports related to natural disasters in Malaysia. The concept of hifz al-bi'ah is one of the important goals for realizing al-daruriyyat al-khams in environmental management. Natural disaster risk management based on this theory is holistic and comprehensive with emphasis not only on physical and material elements, but also focuses on spiritual aspects to ensure the sustainability of natural resources as well as minimize the risk of natural disasters to humans.

Keywords: Risk Management, Natural Disasters, Hifz Al-Bi'ah, Sustainability

PENGENALAN

Fenomena bencana alam merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang melanda seluruh pelusuk bumi sama ada di kawasan yang mendatar, landai mahupun di cerun. Bencana alam yang berlaku boleh meragut ribuan nyawa manusia, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda dan kerosakan alam sekitar. Bencana dari sudut umumnya diklasifikasikan dalam dua bentuk iaitu semulajadi dan buatan manusia (Anuar & Habibah, 2017). Bencana semulajadi adalah kejadian yang disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi seperti banjir, tanah runtuh, banjir lumpur dan lain-lain yang di luar kawalan manusia, manakala bencana akibat perbuatan manusia dikenali sebagai bencana sosioteknikal (Shauf & Ahmadun, 2006). Rantau Asia yang kita diami ini juga pernah dikejutkan dengan bencana tsunami yang berpunca dari gempa bumi dasar laut di Lautan Hindi. Akibatnya ratusan ribu nyawa hilang serta terdapat beberapa kawasan kediaman di wilayah Aceh lenyap daripada pandangan mata. Tragedi menyayat hati ini membuktikan betapa bencana alam yang berlaku kadang kala datang tanpa di duga.

Kemunculan bencana di tengah-tengah gelombang pembangunan telah memberikan ancaman besar kepada keselamatan dan ekonomi sesebuah negara. Ini kerana bencana yang berlaku boleh membawa kerugian harta benda dan nyawa. Tambahan pula langkah-langkah pemulihan selepas bencana mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Ini termasuklah operasi menyelamatkan mangsa, pemulihan kawasan bencana dan projek pembangunan

semula. Setelah bencana menimpa, masyarakat berdepan pula dengan rangkaian kesan-kesan sampingan, seperti wabak penyakit berjangkit dan masalah kekurangan bekalan makanan. Di samping itu, bencana alam yang berlaku juga meninggalkan kesan psikologi yang mendalam kepada rakyat. Perasaan fobia tidak mudah luput daripada ingatan mangsa yang mengalami musibah bencana.

Pada awal sejarah kehidupan manusia, bencana alam yang berlaku dianggap sebagai salah satu proses alam semulajadi. Namun jumlah peningkatan bencana alam yang semakin tinggi pada akhir-akhir ini telah menimbulkan persoalan. Beberapa saintis di Barat mengaitkan peningkatan kejadian bencana alam sejak akhir ini dengan fenomena perubahan cuaca global (NADMA, 2015). Bencana seperti ribut taufan, banjir besar dan kemarau panjang adalah terhasil dari perubahan cuaca yang tidak menentu. Peristiwa bencana yang berlaku di serata dunia seharusnya menjadi iktibar kepada kita khususnya di Malaysia. Hakikatnya tiada satu pun negara yang kebal daripada bencana alam yang menimpa. Kita amat bersyukur kerana di negara kita belum ada lagi kejadian bencana alam yang meragut ribuan nyawa manusia. Walaupun begitu, terdapat kejadian bencana alam yang kerap berlaku di Malaysia misalnya banjir kilat, banjir besar dan tanah runtuh.

Dalam usaha mendepani pelbagai masalah kesan dari bencana alam, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu kawasan dan mangsa yang terjejas akibat bencana yang menimpa. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti bantuan dari sudut makanan dan wang ringgit, tenaga kerja bagi proses pemulihan infrastruktur yang terkesan dan lain-lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Justeru, dalam usaha meringankan serta mengurangkan impak atau kesan yang menimpa, pelbagai idea dan cadangan telah diusulkan bagi mendepani isu ini. Konsep dan kaedah menurut perspektif Islam terkedepan dalam menyantuni isu ini dengan mengaplikasikan model *maqasid syariah* sebagai satu usaha ke arah pengurusan yang lebih sistematik dan tersusun.

PENGURUSAN ALAM DAN MAQASID SYARIAH

Kejadian bencana alam turut diberi perhatian dalam Islam. Ini terbukti apabila terdapat ayat-ayat al-Quran yang mengisahkan serta memperihalkan berkaitan peristiwa tersebut. Selanjutnya ia telah disentuh perbincangannya dengan lebih mendalam oleh ulama tafsir serta disokong hujahnya dengan nas-nas Hadith Nabi s.a.w di samping turut dibincangkan di dalam kitab-kitab yang dikarang oleh ilmuwan Islam. Ini membuktikan bahawa Islam turut menitikberatkan perkara-perkara yang berkisar tentang kehidupan bagi memberi panduan dan pedoman kepada umatnya. Justeru, bagi memahami lebih mendalam tentang kaedah Islam, maka seharusnya meletakkan satu keperluan dalam memahami terma syariat yang disebut sebagai panduan atau peraturan hidup seseorang yang beragama Islam. Syariat atau Syariah ialah perintah Allah yang disampaikan melalui Al-Quran dan As-Sunnah untuk semua aktiviti manusia termasuk akidah, akhlak, fiqh ibadah, undang-undang keluarga, perdagangan, komersial, pengurusan institusi mahupun jenayah. Maqasid syariah pula adalah objektif utama syariah

iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia (Mohammad Hashim, 2012).

Maqasid syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008). Secara umumnya maqasid syariah seperti yang diterangkan oleh ulama usul fiqh ianya merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia. Maqasid syariah juga mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin kemaslahatan dan menolak keburukan. Pertimbangan yang menjadi kayu pengukur ini semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas bagi memastikan ianya berada dalam kerangka syariat.

Maqasid (مقاصد) adalah kata jama' kepada perkataan maqad (مقصد). Ia berasal dari kata dasar qa-sa-da (قصد). Maqad boleh membawa beberapa makna dari segi bahasa seperti tujuan, pertengahan, kehendak dan niat (Babekar Al-Hasan, 2000). Syariah pula bererti 'jalan' dari segi bahasa. Dari sudut istilah dalam fiqh, Syariah merujuk kepada komunikasi (arahan) daripada Allah SWT yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf melalui dua sumber utama al-Quran dan al-Sunnah (Said Bouheroua, 2011). Apabila istilah maqasid dan syariah digabungkan, maka secara asasnya "*maqasid syariah*" di dalam bahasa Melayu boleh dimaksudkan sebagai tujuan, matlamat atau objektif syariah (Paizah Ismail, 2003). Menurut Ibn Asyur (1998), maqasid syariah ditakrifkan sebagai universal dalam perundangan Islam yang bertujuan mengukuhkan keteraturan (*nizam*), kebebasan (*al-hurriyyah*), kesamarataan (*al-musawah*), kemudahan (*al-samahah*) dan memelihara fitrah. Menurut Alal al-Fasi (1966), beliau mentakrifkan maqasid syariah sebagai objektif yang datang daripada syariah dan rahsia yang dibuat oleh pembuat syariah bagi setiap hukum hakamnya. Maqasid syariah melihat kepada perubahan nilai semasa, setempat, *'urf* dan masalah seiring dalam proses pengeluaran ijtihad semasa kerana kejahilan memahaminya akan memberi impak negatif terhadap syariat Islam.

Dari sudut urus tadbir, maqasid syariah menjadi kayu ukur penting untuk pentadbir memahami garis panduan dalam membentuk polisi ke atas rakyatnya (Zaidi, 2014). Jika tidak, dasar dan polisi akan diputuskan mengikut hawa nafsu dan ini bertentangan dengan prinsip Islam. Bagi memenuhi hasrat tersebut, lima prinsip maqasid syariah perlu menjadi asas kepada pembentukan sesebuah sistem pentadbiran. Hal ini bermakna segala selok-belok pentadbiran sama ada pentadbiran negara mahupun pengurusan organisasi hendaklah berpandukan kepada nas dan ijtihad menggunakan prinsip-prinsip maqasid syariah bagi menjaga maslahat kepentingan semua pihak. Lima prinsip tersebut adalah lima kepentingan yang wajib dijaga oleh pemerintah atau pentadbir agar umat Islam mampu bertahan menghadapi segala cabaran, iaitu; *Hifz ad-din* (pemeliharaan agama), *Hifz an-nafs* (pemeliharaan nyawa), *Hifz al-'aql* (pemeliharaan akal), *Hifz an-nasl* (pemeliharaan keturunan), dan *Hifz al-mal* (pemeliharaan harta) (Ibn Ashur, 1998).

1. ***Hifz al-Din (Pemeliharaan Agama)***: Ibn Ashur mendefinisikan *hifz al-din* sebagai menyelamatkan iman setiap individu Islam daripada terlibat dengan apa-apa yang mungkin melemah dan mengelirukan terhadap kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah lakunya. Bagi masyarakat secara keseluruhannya, memelihara *al-din* bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, yang termasuk mempertahankan negara dan kedaulatan Islam dan memelihara cara-cara pembelajaran dan pendidikan Islam di kalangan generasi masa kini dan masa depan masyarakat Islam (Ibn Ashur, 1998).
2. ***Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)***: Al-Juwaini dan al-Ghazali mentakrifkan *hifz al-nafs* sebagai pemeliharaan kehidupan manusia melalui undang-undang hukuman (jika berlaku pembunuhan) (al-Raysuni, 2006). Al-Shatibi menjelaskan bahawa pemeliharaan hidup boleh dicapai dengan tiga (3) cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat (al-Raysuni, 2006).
3. ***Hifz al-'Aql (Pemeliharaan Akal)***: Al-Ghazali menyatakan bahawa akal adalah mata air sungai, dan ia merupakan titik permulaan dan asas kepada ilmu. Al-Ghazali juga percaya bahawa larangan meminum arak oleh syariah adalah bukti pada keperluan untuk melindungi intelek (Chapra, 2008). Al-Shatibi pula mentakrifkan pemeliharaan akal termasuk mengelakkannya daripada apa-apa yang akan merosakkan. Menurut Ibn Ashur (1998), pemeliharaan akal ertinya memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Beliau juga menghuraikan tentang takrifan ini dengan mengatakan bahawa gangguan kepada akal akan membawa pada kerosakan yang lebih besar kepada masyarakat.
4. ***Hifz al-Nasl (Pemeliharaan Keturunan)***: Konsep *hifz an-nasl* melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia penting dalam Islam untuk membentuk masyarakat Islam yang sihat, produktif dan berkesan (Chapra, 2008). Selain itu, keinginan untuk mempunyai anak adalah naluri manusia yang sangat kuat. Perkara ini diakui oleh Al-Quran, di mana Allah SWT menyatakan bahawa kekayaan dan keturunan adalah perhiasan dunia ini (Fadel, 2002). Dalam satu hadith riwayat Abu Daud (1050), Rasulullah SAW menyeru umat untuk berkahwin dan mempunyai anak, dan dia akan berbangga dengannya di akhirat.
5. ***Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta)***: Menurut Ibn Ashur (1998), memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Al-Juwaini dan al-Ghazali menerangkan pemeliharaan ini sebagai perlindungan kepada harta benda rakyat, manakala al-Shatibi pula

menyatakan bahawa ia adalah larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak anak-anak yatim terhadap harta mereka, pembaziran, iri hati, serta memberikan sukatan dan timbangan yang tidak betul (al-Raysuni, 2006).

Tuntasnya, pembahagian lima prinsip pemeliharaan menyediakan rangka analisis bagi menyesuaikan sesuatu persoalan dengan rujukan kepada kesesuaian kategori. Ia juga memberi panduan atau jalan penyelesaian untuk pengurusan konflik yang mungkin berlaku disebabkan pertembungan antara *maslahah* dan *mafsadah*. Maqasid syariah bukan hanya memfokuskan kepada kemaslahatan individu atau kumpulan kecil. Gagasan yang begitu besar ini sebaliknya mempunyai kesan yang memacu kecekapan jika diaplikasikan sebagai salah satu indicator keberkesanan dalam pengurusan dan pentadbiran negara.

Pada hemat pengkaji, penekanan dari sudut atau konsep *hifz al-bi'ah* (penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar) kurang dititikberatkan apatah lagi berkenaan pengurusan dalam mengatasi sesuatu masalah yang berkaitan dengan bencana alam. Maka, satu kajian mendalam dirasakan perlu bagi menjelaskan secara terperinci keperluan pemahaman dan pengaplikasian model maqasid syariah yang ditambah baik dalam mendepani permasalahan yang diketengahkan. Pemahaman yang benar mengenai konsep ini bakal mempengaruhi tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan mahupun swasta khususnya dan struktur pengurusan amnya bagi yang terlibat. Penyediaan suatu model maqasid syariah yang bersesuaian dalam memandu hubungan di antara pengurusan dan model maqasid syariah yang terbina juga perlu dilakukan bagi mewujudkan kefahaman, kelancaran, ketelusan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat, pihak dan agensi yang terlibat yang dilihat kurang diberi kepercayaan atas sebab isu-isu yang berlaku mutakhir ini. Justeru, dalam usaha melestarikan sesebuah pengurusan menjadikan ianya lebih dinamik dan sistematik, pengkaji terdorong untuk menganalisis secara berperingkat dan terperinci bagi memahami konsep-konsep Islam yang dapat diketengahkan dalam kajian.

ANALISIS KONSEP HIFZ AL-BI'AH

Dimensi hubungan manusia dengan alam persekitaran serta unsur-unsur di dalamnya adalah rapat dan tidak boleh dipisahkan. Interaksi dengan alam ini menjadi sebahagian bukti keagungan Pencipta yang menjadikan kepelbagaian penciptaan demi menyokong kelangsungan hidup manusia di alam ini. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَوَسَّلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً
فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّى كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَامَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي
النُّهُي

Terjemahan: *(Dia-lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalanjalan lalu-lalang; dan ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis*

tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; Sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran. (Surah Taha, 20: 53-54)

Hakikatnya, manusia merupakan sebahagian daripada alam keseluruhannya yang bertindak sebagai pentadbir alam persekitaran. Manusia sebagai makhluk istimewa dengan akal yang waras sewajarnya mentadbir alam ini dengan adil dan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Melihat kepada kerangka atau model maqasid syariah yang sedia ada iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, harta dan akal, pengkaji merasakan satu keperluan untuk menambah baik model yang sedia ada dengan konsep yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Sebagai agama yang *rahmatan lil alamin*, Islam menekankan umatnya untuk menjaga kelestarian alam yakni meliputi pemeliharaan dan pemuliharaan alam (Wahyu & Ridan, 2019). Ungkapan *rahmatan lil alamin* bukanlah sekadar ayat atau motto Islam, tetapi ianya merupakan tujuan dari Islam itu sendiri. Sesuai dengan tujuan tersebut, maka sewajarnya Islam menjadi pelopor bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam dan lingkungannya sebagai manifestasi pembuktian kasih sayang kepada alam semulajadi.

Menurut Zahari Musa (2010), secara literalnya *fiqh al-bi'ah* merupakan gabungan dua perkataan Arab, iaitu *fiqh* dan *bi'ah*. *Fiqh* dari segi Bahasa bermaksud kefahaman manakala dari sudut istilah ia membawa maksud setiap hukum syarak yang berbentuk praktikal yang berasaskan sumber-sumber syariat yang terperinci. Perkataan *bi'ah* pula bermaksud kediaman dan sesuatu keadaan dari sudut Bahasa manakala dari sudut istilah boleh diertikan sebagai lingkungan persekitaran yang didiami oleh manusia itu sendiri. Istilah *bi'ah* tidak digunakan secara khusus di dalam nas syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah, akan tetapi ia dapat difahami apabila komponen-komponen penting berkaitan alam persekitaran disentuh secara langsung di dalam nas-nas tersebut (Zahari Musa, 2010). Sebagai contoh, istilah *ard* (bumi atau daratan) disebut sebanyak 459 kali, *ma'* (air) sebanyak 59 kali dan *sama'* (langit) sebanyak 120 kali. Selain daripada itu, terdapat beberapa surah di dalam al-Quran yang mengambil nama haiwan sebagai bukti kekuasaan Allah S.W.T dalam kepelbagaian penciptaan makhluknya seperti surah *al-Baqarah* (lembu/sapi), *al-An'am* (binatang ternakan), *al-Nahl* (lebah), *al-Naml* (semut), *al-Ankabut* (labah-labah) dan *al-Fil* (gajah).

Oleh itu, *fiqh al-bi'ah* boleh difahami sebagai hukum-hukum atau peraturan praktikal yang berkaitan dengan hubungan manusia secara langsung dengan alam sekitar. Keperluan dalam memahami (*fiqh*) alam sekitar (*bi'ah*) bukanlah suatu yang baru, malah ianya menjadi suatu kewajipan ke atas setiap manusia melihat kepada kebergantungan antara sesama makhluk ciptaan Allah S.W.T. Justeru, pembahagian *fiqh al-bi'ah* sebagai cabang disiplin ilmu *fiqh* secara tersendiri berlaku dalam zaman mutakhir sesuai dengan keadaan masyarakat pada masa kini yang melihat berlaku kepincangan dalam memahami penjagaan serta pemuliharaan alam sekitar. Dalam hal ini, Mustafa Abu Sway (2008) turut

berpendapat memelihara bi'ah (persekitaran) merupakan tambahan yang penting kepada maqasid syari'ah yang lima (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta). Beliau mencadangkan maqasid syari'ah akan mengalami perubahan dengan menjadikannya enam unsur penting. Ini kerana, setiap penjagaan terhadap lima maqasid tersebut tidak akan terhasil melainkan manusia itu memiliki ruang persekitaran yang baik serta berkualiti bagi meneruskan pemeliharaan unsur maqasid yang lain. Walau bagaimanapun, Yusuf al-Qaradawi (2001) tidak melihat penjagaan alam sekitar sebagai tambahan kepada unsur maqasid yang sedia ada, akan tetapi menjadikannya elemen penyokong kepada kesempurnaan bagi kelima-lima unsur penjagaan dalam maqasid syariah yang sedia ada.

Konsep *Hifz al-Bi'ah* (pemeliharaan persekitaran) pada hemat pengkaji perlu diketengahkan supaya ianya menjadi satu aspek yang penting dalam melestarikan pengurusan risiko bencana alam. Hal ini kerana kejadian bencana alam yang berlaku mutakhir ini adalah disebabkan tangan-tangan manusia yang rakus dan tamak dalam mengejar perkembangan dan pembangunan ekonomi sehinggakan melanggar peraturan alam. Kepincangan serta ketidakstabilan mengurus alam berpunca daripada tindakan manusia itu sendiri yang tidak mahu memahami dan menghargai kepentingan persekitaran kepada kelangsungan hidup sebagaimana firman Allah S.W.T :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahan: *Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka, sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.* (Surah al-Rum, 30: 41)

Oleh yang demikian, peranan akal dalam memahami kejadian alam dan persekitaran sangatlah dituntut agar hubungan manusia dan alam terbina dalam interaksi yang lestari dan tidak akan dipersoalkan tentang tanggungjawab yang dilaksanakan. Manusia ini dilahirkan dengan dua peranan utama iaitu menjadi hamba yang taat dan khalifah yang adil. Perkaitan dan pertautan antara dua tugas ini adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan. Realiti ini ditegaskan oleh Allah S.W.T melalui firmanNya :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahan: *Tidak aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepadaKu.* (Surah al-Dharyyat 51:56)

Justeru, manusia bertanggungjawab melaksanakan peranan yang diamanahkan ini dengan memakmurkan muka bumi setiap masa. Hal ini bagi memastikan kelangsungan sumber-sumber alam semulajadi sehingga dapat digunakan oleh generasi akan datang dan seterusnya dapat mengelakkan bencana alam yang hasilnya dari perbuatan rakus manusia. Oleh itu, dua peranan utama

manusia dijadikan di muka bumi ini secara tidak langsung menuntut mereka untuk lebih prihatin kepada alam sekelilingnya. Alam sekitar perlu diurus tadbirkan dalam keadaan yang betul demi keselamatan manusia itu sendiri serta keseimbangan makhluk-makhluk tuhan yang lain. Ia juga dianggap amanah Allah S.W.T untuk dipelihara, dijaga dan dikawal daripada sebarang bentuk penyelewengan. Kesemuanya ini menjadi bukti kesyukuran hamba terhadap Penciptanya dan tidak digolongkan dalam kalangan orang yang kufur nikmat (Zahari Musa, 2010).

KESIMPULAN

Perbincangan konsep *hifz al-bi'ah* dalam usaha memperbaiki serta menambah baik sistem pengurusan yang sedia ada seharusnya diketengahkan dengan lebih mendalam. Hal ini kerana ianya merupakan aspek yang terlibat secara langsung dengan kejadian bencana alam yang menimpa di seluruh dunia amnya dan Malaysia khususnya. Analisis secara kritikal perlu dilakukan dan dipandang penting oleh pihak dan agensi yang terlibat secara langsung dalam usaha menangani atau mengurangkan kadar peratusan kerosakan serta kemusnahan akibat dari bencana alam. Adalah menjadi satu keperluan bagi mengetahui pentingnya alam sekitar kepada kehidupan berdasarkan nas-nas syarak yang disepakati. Memahami *fiqh al-bi'ah* juga merupakan perkembangan disiplin ilmu fiqh dalam mendepani dan menyelesaikan isu-isu semasa masyarakat (Zahari Musa, 2010). Interaksi manusia dengan persekitaran adalah sangat rapat demi kelangsungan hubungan manusia dengan pencipta (*habl min Allah*) dan hubungan manusia dengan masyarakat (*habl min al-nas*).

RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad. (2005). Undang-Undang dan Pengurusan Alam Sekitar Menurut Islam. *Malaysian Journal of Environmental Management*. 6:107-124
- Abdul Rahman Mahmud (2008, Jun 21). Bencana alam jejas pembangunan. *Utusan Online*. Diperoleh pada Jun 2, 2016 daripada :www.utusan.com.my
- Anas Mustafa Abu 'Ata (1994), "Fiqh al-Bi'ah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah", (Disertasi Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Chapra, M. U. (2000), *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. UK: Leicester: The Islamic Foundation.
- Chaudhry, M.S. (1999). *Fundamentals of Islamic Economic System*. Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore.
- Fakhri Sungit & Hammad Mohamad Dahalan (2015). *Pembangunan Dalam Islam: Analisis Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah*. World Academic and Research Congress 2015. Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia.
- Fakhri Sungit (2014). *Pembangunan Ekonomi dan Sosial Melalui Prinsip Maqasid al-Shariah: Analisis Terhadap Polisi dan Orientasi Program Pembangunan di Bank Pembangunan Islam (BPI)*. Proceeding

- International Research Management & Innovation Conference. Selangor International Islamic University College.
- Fakhri Sungit (2015). *Economic and Human Development Programs in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank (IDB)*. Unpublished doctoral thesis, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), IIUM.
- Hendry Anto (2009). *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid al-Shariah*. KL: JAKIM
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *FAQ Indeks Syariah Malaysia*. Putrajaya, Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya, Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Info Ringkas Indeks Syariah Malaysia*. Putrajaya, Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2016). *Monograf Indeks Syariah Malaysia Siri 1*. Putrajaya, Malaysia.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1992). Surutan Konsep Ilmu Mengikut Pandangan Sarjana-Sarjana Muslim Zaman Silam: Teori dan Kaedah. *Kesturi Jurnal Sains Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Akram Laldin (2006), *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publications, h. 11
- Mustafa Abu Sway (2008), "Towards an Islamic Jurisprudence of The Environment", <http://www.Iol.ie/~afifi/Articles/environment.htm>, 30 Ogos 2008
- Mustafa Abu Sway (2008), *op.cit.*; Sayed Sikandar Shah Haneef (2005), *Ethics and Fiqh for Daily Life: An Islamic Outline*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, h. 175; al-Qaradawi (2001), *op.cit*
- Noor Fazilah Mohd Basiron (2014). *Pengurusan Bencana Gempa Bumi Menurut Perspektif Al-Quran dan Sains Moden*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Noorazman Hashim, Mohd Shabri Yusof dan Amer Saifude Ghazali (2000), "Pemuliharaan Sumber Air dan Penggunaannya Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Tasawwur Islam*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka, Jil. 5, hh. 110-112.
- Nurfashareena Muhamad, Choun-sian Lim, Mohammad Imam Hasan Reza & Joy Jacqueline Pereira. (2013). Input Geologi untuk Sistem Sokongan Membuat Keputusan dalam Pengurusan Risiko Bencana: Kajian Kes Universiti Kebangsaan Malaysia. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia*. Volume 59: 73-84.
- Ritzer G., Zhao S., Murphy J. (2001) Metatheorizing in Sociology: The Basic Parameters and the Potential Contributions of Postmodernism. In: Turner J.H. (eds) *Handbook of Sociological Theory*. Handbooks of Sociology and Social Research. Springer, Boston, MA

- Ritzer, George. (1990). Metatheorizing in sociology, *Sociological Forum* 5, 3–15 (1990) doi:10.1007/BF01115134
- Sham Sani. (1993) *Alam Sekitar dan Pembangunan Berterusan di Malaysia: Cabaran bagi Dekad 1990-an dalam Alam Sekitar & Pengurusannya di Malaysia*, Sham Sani, Abdul Samad Hadi dan Jamaluddin Jahi (Editor): Working Group on Urban Ecosystems Malaysian National MAB Committee and MAB UNISCO, 501-519.
- Zahari Mahad Musa (2010). Fiqh Al-Biah: Prinsip Interaksi Manusia Dengan Alam Persekitaran. *Jurnal Syariah*. Faculty of Syariah and Law, Islamic Science University of Malaysia, Negeri Sembilan. Jil. 18, Bil. 1 (2010) 1-24.